

18 JUL 1996

Francais

BUMIPUTERA DIALU-ALUKAN UNTUK MENYERTAI SISTEM FRANCAIS

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Persatuan Francais Malaysia (MFA) hari ini mengalu-alukan lebih ramai usahawan tempatan, khususnya Bumiputera melibatkan diri secara aktif dalam industri francais.

Pengerusi MFA, Datuk Adzmi Abdul Wahab berkata sistem francais telah terbukti di seluruh dunia sebagai satu cara berniaga yang terkini, dijalankan secara sistematik dan profesional, melibatkan risiko yang rendah dan mempunyai daya maju yang tinggi.

Persatuan sendiri berazam bagi menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku penaung untuk mewujudkan tidak kurang daripada 2,400 pemegang francais baru Bumiputera menjelang tahun 2,000, katanya dalam ucapan pada majlis Mesyuarat Agong Tahunan persatuan itu, di sini.

Adzmi berkata, sejak Program Pembangunan Francais diputuskan oleh Majlis Pembangunan Negara pada tahun 1992, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan oleh pihak persatuan.

Buat masa ini, MFA bercadang menawarkan satu pakej yang lengkap kepada pemegang-pemegang francais yang terpilih dalam bentuk kemudahan pinjaman kewangan di bawah Tabung Usahawan Baru (TUB), katanya.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed yang turut hadir di majlis tersebut berkata usahawan-usahawan Bumiputera yang layak dilantik sebagai pemegang francais yang dikenal pasti berdaya maju, berasaskan kriteria yang ditetapkan oleh kerajaan dalam Program Pembangunan Francais akan diperakukan pemegang francais induk.

Mereka akan ditawarkan satu pakej yang lengkap, antara lain termasuk mendapatkan premis perniagaan yang strategik, kemudahan mendapatkan pinjaman dan khidmat sokongan sebelum memulakan perniagaan, katanya.

Setakat ini, terdapat seramai 5,000 usahawan Bumiputera yang telah mendaftar untuk menyertai Program Pembangunan Francais, kata Mustapa. --

BERNAMA

YBK PR